



## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

### KENYATAAN MEDIA YB MENTERI PENGANGKUTAN STATUS PENGUATKUASAAN PERATURAN PERKHIDMATAN E-HAILING

---

1. Jemaah Menteri yang bersidang pada hari ini, 12 Julai 2019, telah memutuskan supaya penguatkuasaan peraturan perkhidmatan e-hailing yang bermula pada hari ini dilaksanakan melalui pendekatan “*soft landing*”.
  
2. Ini bermakna semua pemandu e-hailing yang masih belum mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan **DIBENARKAN** untuk meneruskan operasi mereka selama tiga (3) bulan mulai hari ini.
  
3. Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan mengambil pendekatan penguatkuasaan berbentuk mendidik secara berperingkat kepada pemandu-pemandu e-hailing.
  
4. Untuk tempoh masa 3 bulan mulai 12 Julai 2019, mana-mana pemandu yang memandu tanpa lesen PSV atau memandu kenderaan yang tidak memenuhi syarat kenderaan akan diberi nasihat, pendidikan dan amaran akhir supaya melengkapkan semua peraturan terlibat.
  
5. Setakat 11 Julai 2019, sebanyak **31 buah syarikat Perniagaan Pengantaraan (EHO)** telah diluluskan permohonan untuk mendapatkan Lesen Perniagaan Pengantaraan (LPP) dari Agensi Pengangkutan

Awam Darat (APAD).

6. Sebanyak **17,596** e-hailing *Vehicle Permit* (eVP) (4,216 eVP teksi dan 13,380 eVP kenderaan persendirian) telah dikeluarkan. Jumlah ini akan meningkat dari masa ke semasa setelah semua pemandu selesai mendapatkan lesen PSV masing-masing.
7. Sebanyak **31,731 calon** telah mendaftar untuk menduduki kursus dan ujian PSV di 226 Institut Memandu (IM) di seluruh Malaysia. Daripada jumlah ini, sebanyak **25,248 calon** telah melengkapkan sesi kursus dan **19,891 calon** telah lulus ujian PSV.
8. Di samping itu, sebanyak **16,528 calon** telah menghadiri kursus PSV yang dijalankan oleh EHO sendiri. Daripada jumlah ini, sebanyak **3,090 calon** yang telah lulus ujian PSV.
9. Secara keseluruhannya, jumlah calon yang telah lulus ujian PSV adalah sebanyak **22,981 orang**.
10. EHO selaku pemegang Lesen Perniagaan Pengantaraan (LPP) yang sah perlu memastikan syarat dan peraturan yang ditetapkan dipatuhi dan kadar komisen yang dikenakan kepada pemandu e-hailing adalah pada kadar yang ditetapkan iaitu maksimum 20% sahaja manakala kadar komisen kepada pemandu teksi yang beroperasi melalui aplikasi e-hailing adalah pada kadar maksimum 10% sahaja.
11. Penguatkuasaan peraturan dan syarat-syarat pendaftaran / pelesenan perkhidmatan pengendali/pengantara akan dilakukan sepenuhnya ke atas pihak EHO.

12. Pihak kerajaan amat berharap agar semua EHO dan pemandu e-hailing mengambil perhatian serius untuk mematuhi semua peraturan e-hailing.

13. Peraturan dan penguatkuasaan ini adalah semata-mata untuk memastikan industri kenderaan perkhidmatan awam di negara ini adalah sentiasa berkualiti selari dengan kepesatan aplikasi teknologi pada masa kini.

Sekian, terima kasih.

**Loke Siew Fook**

Menteri Pengangkutan Malaysia

12 Julai 2019